



KENYATAAN MEDIA

PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN KE-75 (MNKT KE-75)

PUTRAJAYA, 10 Januari 2020 - Timbalan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail petang ini mempengerusikan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-75 di Dewan Persidangan ICU Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat turut dihadiri oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Timbalannya, YB Menteri Wilayah Persekutuan, YB Menteri Kerja Raya, YB Menteri Kesihatan, YB Ketua Setiausaha Negara, YB Timbalan-Timbalan Menteri, YB EXCO Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri-negeri, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian serta Ketua Jabatan/Agensi yang berkaitan.

i. Pelaksanaan Manual OSC 3.0 Plus di Semua Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia

Mesyuarat menerima pakai Manual OSC 3.0 Plus di semua pihak PBT Semenanjung Malaysia, iaitu dokumen prosedur yang mengandungi proses pemajuan yang lengkap dan terperinci bagi rujukan pemegang-pemegang taruh dan pihak berkepentingan.

Kajian rintis di 10 PBT yang dilaksanakan pada tahun 2019 berjaya memendekkan tempoh kelulusan permohonan antara 49 peratus hingga 80 peratus, sebagai contoh daripada 250 hari kepada 83 hari di Majlis Bandaraya Ipoh.

Penggunaan sistem ini akan diperluaskan kepada 40 PBT pada awal 2020 dan baki 48 PBT menjelang pertengahan tahun 2020.

ii. Garis Panduan Pengurusan Kenderaan Terbiar di Kawasan Operasi Pihak Berkuasa Tempatan

Mesyuarat juga meluluskan cadangan penggunaan garis panduan pengurusan kenderaan terbiar di kawasan operasi PBT.

Ia dapat mengurangkan tempoh masa pengurusan kenderaan terbiar daripada 6 hingga 12 bulan kepada 2 hingga 4 bulan.

Penambahbaikan prosedur termasuk perintah lucut hak kenderaan melalui mahkamah, semakan kenderaan di Puspakom, pertukaran hak milik dan pembatalan pendaftaran.

iii. Garis Panduan Pengurusan Premis Cucian Kenderaan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

Mesyuarat juga menerima pakai cadangan garis panduan pengurusan premis cucian kenderaan di kawasan PBT.

Ia akan memudah cara serta memberi panduan dengan lebih holistik kepada PBT, pengusaha premis dan pihak berkepentingan, sambil menyeragamkan syarat lesen premis cucian kenderaan di semua PBT.

iv. Garis Panduan Kaedah Perolehan Pihak Pengurusan Bangunan Berstrata

Mesyuarat juga bersetuju menerima cadangan garis panduan kaedah perolehan pihak pengurusan bangunan berstrata yang dikawalselia oleh Pesuruhjaya Bangunan di PBT.

Ia berupa satu panduan dan rujukan yang seragam kepada pihak pengurusan bangunan berstrata untuk mengurus perolehan secara telus dan terbuka.

Ia juga sebagai mekanisme bagi mencegah dan menutup ruang serta peluang untuk rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta memelihara hak dan kepentingan komuniti strata.

Mesyuarat MNKT yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dengan ahli-ahlinya terdiri daripada Menteri-Nenteri Persekutuan dan Menteri Besar/Ketua Menteri bertanggungjawab sebagai pembuat dasar serta penasihat mengenai hal-hal



KENYATAAN MEDIA
PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

berkaitan dengan Kerajaan Tempatan khususnya daripada segi dasar-dasar, kawalan dan pembangunan

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
PUTRAJAYA
10 JANUARI 2020**